



VOLUME  
**03**

# DARI PENA KE PIKSEL:

## Evolusi Dunia Penerbitan Akademik dan Komersial

Oleh: Siti Nasarah Ismail & Maizura Manshor

**D**unia penerbitan sedang melalui fasa transisi paling radikal sejak penciptaan mesin cetak. Jika dahulu pena dan kertas menjadi lambang penghasilan ilmu dan maklumat, hari ini digantikan dengan era piksel iaitu kandungan digital, automasi, dan algoritma pintar.

Tambahan, kemunculan pelbagai alat kecerdasan buatan (AI) semakin memberi impak besar dalam dunia penerbitan, sama ada dalam konteks akademik mahupun komersial. Daripada penulisan kandungan, semakan bahasa, reka letak sehingga strategi pemasaran, penggunaan alat AI bukan sahaja mempercepatkan proses tetapi turut mengubah peranan tradisional dalam industri ini. Peralihan ini bukan sekadar inovasi teknologi, tetapi juga melibatkan seluruh proses dalam penerbitan.

Tidak dinafikan, integrasi teknologi AI dalam proses kerja penerbitan mampu memendekkan masa antara idea dan hasil penerbitan. Sebagai contoh, teks boleh dijana dalam sekelip mata, disemak secara automatik, dan diterbitkan secara digital tanpa perlu dicetak. Platform seperti jurnal atas talian, blog akademik, dan penerbitan terbuka (open access) telah merobohkan sempadan antara penulis, penerbit, dan pembaca.

Bagi aspek proses penerbitan pula, di peringkat atas, perisian seperti Grammarly, ChatGPT, dan Quillbot, kini digunakan oleh ramai penulis dan editor untuk membantu mempercepatkan proses editorial. Ia memudahkan penulisan draf, penyuntingan struktur ayat, pembetulan kesalahan bahasa, dan juga penjanaan idea.

Di pihak penerbit, strategi dan hala

“

*Kemunculan pelbagai alat kecerdasan buatan (AI) semakin memberi impak besar dalam dunia penerbitan, sama ada dalam konteks akademik mahupun komersial.*

tuju masa depan bidang penerbitan ini perlu mempertimbangkan integrasi AI tanpa mengabaikan nilai tambah hasil kerja kreatif manusia. Ini adalah sangat penting kerana kreativiti, nuansa budaya, dan pemikiran kritis masih diperlukan dan ia sukar ditiru oleh mesin. Oleh itu, AI seharusnya digunakan sebagai alat bantu, bukan pengganti.

Selain itu, penerbit juga berdepan cabaran mengimbangi antara kemudahan teknologi dan tanggungjawab editorial. Dunia penerbitan bukan hanya soal memastikan teks sampai ke pembaca, tetapi juga memastikan bahawa kandungan itu berkualiti, sahih, dan beretika. Di sini jelas menunjukkan bahawa peranan manusia masih diperlukan dan tidak dapat digantikan sepenuhnya.

Menjelajah dunia penerbitan bersama AI ini turut menuntut penerbit untuk melabur dalam melatih tenaga kerja untuk menyesuaikan diri dengan alat dan proses baharu teknologi AI. Editor masa kini bukan sahaja perlu mahir dalam bahasa dan struktur penulisan, tetapi juga mereka harus celik teknologi dan memahami keupayaan serta batasan teknologi ini.

Manakala, bagi ahli akademik, perubahan ini membawa kepada dua sisi. Di satu sisi, alat



AI dapat membantu menyunting teks, merumus data, dan mempercepat proses penulisan. Ini turut membuka peluang kepada lebih ramai individu untuk berkongsi ilmu dengan lebih cekap dan inklusif. Namun, di sisi lain, isu keaslian, ketulenan, dan etika penulisan menjadi perbahasan.

Sebagai contoh, dalam konteks akademik, penggunaan AI untuk menjana karya tanpa olahan dan pemahaman boleh membawa kepada isu integriti dan plagiarisme. Ini menuntut institusi untuk menggaris polisi yang jelas dan mendidik pengguna tentang batasan serta tanggungjawab dalam menggunakan teknologi ini.

Semua ini menunjukkan bahawa di sebalik segala kemudahan dan manfaat yang disediakan oleh teknologi AI, ia datang bersama cabaran tersendiri. Antaranya adalah keaslian kandungan, etika penggunaan AI, serta kebimbangan terhadap kehilangan peranan manusia dalam proses kerja kreatif. Wujud juga persoalan, apakah nilai yang masih tinggal apabila pena digantikan dengan kod? Dalam dunia di mana kandungan boleh dijana secara automatik, sejauh mana kita menghargai proses intelektual dan kreativiti manusia?

Melangkah ke hadapan, masa depan

penerbitan akan banyak bergantung kepada sejauh mana kita bijak menyesuaikan diri dengan teknologi ini. Ini kerana AI bukan ancaman, tetapi pemangkin perubahan, sekiranya ia digunakan dengan beretika dan strategi yang tepat.

Transformasi dari pena ke piksel ini sudah pasti menuntut pendekatan baharu dalam pendidikan, latihan, dan dasar. Institusi pendidikan tinggi, khususnya fakulti dan pusat penerbitan akademik, wajar menjadi peneraju dalam menetapkan garis panduan yang jelas serta menyediakan ruang eksperimen yang selamat untuk mengintegrasikan teknologi secara bijaksana.

Masa depan penerbitan tidak lagi bergantung kepada siapa yang menulis paling banyak atau siapa yang paling pantas, tetapi kepada siapa yang mampu menggabungkan nilai-nilai murni penerbitan dengan kuasa teknologi yang sedang berkembang.

Dari pena ke piksel, evolusinya belum selesai. Kini, kita sedang berada di tengah perubahan yang signifikan dan pilihan kita hari ini akan menentukan bagaimana ilmu disampaikan, dihargai, dan diwariskan pada generasi akan datang.